

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 JUN 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

## Pemulihan ekonomi Malaysia kekal positif

### Pemulihan ekonomi Malaysia kekal positif

**KUALA LUMPUR** - Pemulihan ekonomi kekal meyakinkan dengan trend lebih baik ditunjukkan oleh prestasi makroekonomi Malaysia pada April lalu di sebalik ketidaktentuan global, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Meneliti prestasi makroekonomi Malaysia pada bulan April, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, Malaysia dilimpahi dengan sumber asli dan komoditi seperti produk petroleum serta minyak sawit.

“Sebagai pengeksport komoditi bersih, Malaysia turut mendapat manfaat daripada harga komoditi lebih tinggi, menyebabkan jumlah perdagangan kekal pada pertumbuhan tahunan dua digit, 21.3 peratus kepada RM231.4 bilion,” katanya. - *Bernama*